

Cara ASEAN berjaya atasi keganasan – PM

▶ Pihak yang menjadi orang tengah mesti jujur dalam mencari penyelesaian dengan mendengar serta mengambil perhatian pandangan kedua-dua belah pihak yang bertelagah

UM - 28/1/2007

– Abdullah Ahmad Badawi

Daripada ZIN MAHMUD

DAVOS, Switzerland 27 Jan. – Cara ASEAN melalui prinsip menggunakan rundingan serta menolak tindakan ketenteraan berjaya mengatasi ancaman keganasan yang datang dalam bentuk kegiatan Abu Sayyaf dan Jemaah Islamiah (JI) di Filipina Selatan.

Bercakap dalam sesi plenari mengenai masa depan ASEAN di Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini semalam, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pihak yang menjadi orang tengah mesti jujur dalam mencari penyelesaian dengan mendengar serta mengambil perhatian pandangan kedua-dua belah pihak yang bertelagah.

Dalam hal ini, menurut Perdana Menteri, Malaysia menjadi orang tengah yang jujur dan mendengar sudut pandangan kedua-dua pihak iaitu kerajaan Filipina serta pihak yang menentang mereka di Mindanao.

Beliau menegaskan, dalam mencari penyelesaian itu, sebarang usaha pemisahan dan juga tindakan ketenteraan adalah ditolak.

Ditanya sama ada cara penyelesaian di Mindanao itu boleh digunakan di tempat lain di dunia, beliau berkata, setiap tempat mempunyai keadaan yang berlainan tetapi secara prinsipnya, kaedah rundingan lebih baik daripada peperangan.

Sesi plenari yang bertajuk ASEAN 40 tahun – Suatu Masa Depan turut disertai oleh Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo dan Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Tan Dung pada hari keempat perhimpunan tahunan WEF.

Arroyo yang juga Pengerusi ASEAN sebelum itu dalam sesi tersebut menyatakan

bagaimana pihaknya menggunakan kuasa keras dan lembut bagi menghadapi ancaman keganasan di Mindanao dengan kejayaannya menundukkan kumpulan Abu Sayyaf dan JI adalah atas kerjasama Malaysia.

Beliau juga menyatakan kemungkinan cara yang digunakan di ASEAN untuk melawan keganasan boleh dipakai bagi menghadapi kumpulan militan lain.

Menurutnya, Piagam ASEAN akan mewujudkan persetujuan yang lebih mengikat serta menjadi antara landasan bagi mengatasi masalah keganasan di Asia Tenggara.


Presiden itu menjelaskan bahawa Piagam ASEAN yang bertujuan mewujudkan satu wawasan, satu komuniti dan satu identiti antara lain bertujuan meningkatkan daya saing rantau ini ke arah mewujudkan pasaran dan kawasan pengeluar tunggal bagi menempatkan diri dalam konteks kemunculan jiran dinamik iaitu China dan India.

Hari ini, Perdana Menteri menyertai Perhimpunan Tidak Rasmi Pemimpin-pemimpin Ekonomi Dunia (IGWEL) membincangkan tajuk Hala Tuju Polisi Amerika Syarikat (AS) Ekoran Pilihan Raya Kongres Separuh Penggal.

Pemimpin lain yang menyertai IGWEL ialah Presiden Mexico, Felipe Calderon-Hinojosa; Timbalan Perdana Menteri Turki, Abdullah Gul; Setiausaha Agung Pertubuhan Pembangunan dan Kerjasama Ekonomi (OECD) dan bekas Presiden Iran, Mohammad Khatami.

Perdana Menteri juga kemudiannya mengadakan pertemuan dengan Presiden Switzerland, Micheline Calmy-Rey dan Pengerusi Intel Corporation, Datuk Dr. Craig Barret.

– Mingguan



ABDULLAH Ahmad Badawi dan Gloria Macapagal Arroyo ketika menghadiri sesi plenari ASEAN 40 tahun di Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland, semalam.

– Gambar AP